



KAMPUNG HALAMAN
PUTERI GUNUNG LEDANG.




Gunung Ledang merupakan gunung yang tertinggi di Negeri Johor dengan ketinggian 1,276 m dari paras laut. Gunung Ledang terletak kira-kira 17km dari Bandar Tangkak dan terkenal dengan lagenda dimana Sultan Melaka, Sultan Mahmud Shah meminang Puteri Gunung Ledang.

Gunung Ledang popular dengan tempat rekreasi seperti bermandi-manda, mendaki gunung serta berkhemah. Turut juga disediakan kemudahan penginapan untuk program kursus, seminar dan lain-lain. Kemudahan penginapan yang disediakan ialah Chalet Taman Hutan Lagenda, Gunung Ledang Resort dan tapak pekhemahan.



Taman Lagenda Gunung Ledang merupakan kawasan hutan simpan di Negeri Johor. Telah digazetkan sebagai hutan simpan pada 03 Oktober 2005 dan telah dibuka kepada orang awam pada Julai 2003. Keluasan Taman Lagenda Gunung Ledang ialah seluas 8,611 hektar. Disini juga turut menyediakan kemudahan penginapan berupa chalet kepada orang awam atau peserta kursus serta seminar. Tujuan utama taman ini adalah untuk melindungi flora & fauna.



Gunung Ledang

Taman Lagenda Gunung Ledang



Puteri Gunung Ledang

Dalam Sejarah Melayu, Puteri Gunung Ledang dikatakan amat cantik hingga diingini oleh Sultan Mahmud dari Kesultanan Melaka. Pendekar yang diutuskan meminang ialah Laksamana Hang Tuah, Tun Mamat dan beberapa orang lain. Semasa kecil, Hang Tuah berguru silat di atas Gunung Ledang dan biasa dengan jalan ke puncak Gunung Ledang. Akan tetapi kala ini, umurnya telah terlalu tua untuk ke puncak Gunung Ledang.

Dengan itu, Tun Mamat ditugaskan ke puncak dan menemui seorang nenek tua atau lebih dikenali sebagai nenek kebayan yang sebenarnya, samaran kepada Puteri Gunung Ledang. Puteri Gunung Ledang dikatakan menolak pinangan Sultan Mahmud dengan mengenakan tujuh syarat yang tak mampu ditunaikan, ialah:

- 1 jambatan emas dari Melaka ke Gunung Ledang.
- 1 jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang.
- 7 dulang hati nyamuk.
- 7 dulang hati hama.
- 7 tempayan air mata anak dara.
- 7 tempayan air pinang muda.
- 1 mangkuk darah Sultan Ahmad, iaitu anak Sultan Mahmud Shah, dan yang masih kanak-kanak lagi.

Semua syarat itu sanggup ditunaikan oleh Sultan Melaka kecuali darah puteranya.

Dalam Hikayat Hang Tuah, Sultan yang meminang dengan Puteri Gunung Ledang bukannya Sultan Mahmud, tetapi Sultan Mansor Shah.

(Dalam karya agungnya Sulalatus al-Salatin (Sejarah Melayu) Tun Sri Lanang mengisahkan tentang Sultan Mahmud yang setelah kematian isteri, berhasrat meminang Puteri Gunung Ledang. Baginda tidak mahu beristerikan puteri raja biasa kerana ia bererti sama dengan raja-raja lain. Baginda ingin tampil lain dari yang lain. Katanya, "...yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain, itulah yang hendak kita peristeri. Akan sekarang, kita hendak menyuruh meminang Puteri Gunung Ledang;.....")

tempat-tempat menarik untuk dilawati

Jelapang Padi Sawah Ring & Pulau Penarek



Sawah Ring merupakan peladangan berkelompok di bawah bimbingan Jabatan Pertanian Daerah Ledang seluas 270 hektar yang melibatkan 238 orang peserta. Lokasi Sawah Ring berhampiran dengan jalan utama ke Pekan Grisek. Justeru, pelancong boleh menikmati pemandangan sawah padi yang terbentang luas.

Terdapat juga jelapang padi di Pulau Penarik yang terletak berhampiran dengan pekan Sungai Mati. Anggaran penduduk di pulau tersebut seramai 260 orang. Keistimewaan Pulau Penarik ialah merupakan Tasik Ladam yang terjadi secara semulajadi/ geografi dan telah di kenalpasti hanya terdapat 2 seumpamanya di Malaysia.

Kesang Laut



Kesang Laut merupakan tempat pendaratan dan pengumpulan ikan oleh para nelayan kawasan kesang. Di sini juga terdapat kawasan hutan paya bakau yang perlu dipelihara dan dikekalkan. Makanan laut juga terkenal di sini seperti ikan bakar, kerang bakar, sotong goreng dan lain-lain. Pengunjung juga boleh menikmati panorama perkampungan nelayan yang berlansapkan hutan paya bakau.



Everlasting Food Industries Sdn. Bhd. merupakan pelapor dalam penghasilan minuman dan makanan yang berasaskan beras perang. Everlasting terletak di Lot PTD 16025 Jalan Teknologi 3, Kawasan Perindustrian Tangkak yang merupakan tempat yang mesti dikunjungi oleh pelancong. Everlasting memiliki dewan pameran yang selesa untuk dikunjungi pelancong sambil membeli belah beraneka jenis makanan berasaskan beras perang. Ciri-ciri istimewa produk Everlasting adalah dihasilkan secara asli, tanpa pengawet dan pewarna. Selain daripada makanan berasaskan beras perang, produk madu dan sarang burung walit turut dipamerkan. Bagi meningkatkan mutu dan kualiti produk, Everlasting telah berjaya memperolehi pensijilan HALAL, ISO 22000, HACCP dan 'The Best Brown Rice Product in Health Food Sector' dari Asia Success Award 2011.



Beras Perang

Tawar Farm & Plantation

Tawar Farm terletak di Parit Bunga, Ledang dan mula beroperasi pada awal tahun 2010 yang menjurus kepada konsep latihan, motivasi, homestay & agro pelancongan dan mempertingkatkan senibina tradisi Melayu Johor. Keluasan kawasan yang di miliki adalah seluas 5 ekar dengan pelbagai kemudahan yang disediakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah demonstrasi zapin, demonstrasi ghazal, lawatan ke perkampungan nelayan, lawatan ke perusahaan IKS, demonstrasi bermain gasing, melawat dusun dan lain-lain lagi aktiviti yang melibatkan penduduk kampung sekitar. Terdapat 390 jenis tumbuhan yang ditanam di sekitar Tawar Farm & Plantation untuk dipertontonkan kepada pengunjung.



tempat-tempat menarik untuk dilawati

Pekan Grisek menjadi tarikan pelancong tempatan untuk aktiviti memancing udang galah dan ikan air tawar disepanjang sungai Muar dari Pekan Grisek sehingga ke Pekan Kundang Ulu.

Sungai Grisek



Perusahaan Cendawan

C&C Mushroom merupakan pembekal dan penjual cendawan yang segar terletak di Kawasan Perindustrian Grisek. Pengusaha tersebut menghasilkan sendiri anak benih cendawan yang bermutu tinggi antaranya adalah cendawan Ling Zai serta Grey Osyter. Pihak C&C Mushroom turut menyediakan ruang pameran khas C&C Agro-Tourism Centre untuk memudahkan pengunjung membeli pelbagai produk berasaskan cendawan yang dijual.



Mini Zoo & Taman 7 Benua

Sagil Estate turut menyediakan kawasan yang boleh dilawati walaupun ianya merupakan sebuah kawasan ladang kelapa sawit. Antara tempat yang boleh dilawati di sini ialah mini zoo, tasik dan tanam 7 benua. Disini juga turut dipamerkan cara-cara memotong buah kelapa sawit secara tradisional dengan menggunakan kerbau.



tempat-tempat menarik untuk dilawati

Mee Bandung



Mee Bandung adalah satu masakan dan makanan tradisional yang terkenal yang berasal dari Muar, Johor tetapi boleh di dapati juga di Daerah Ledang. Mee Bandung adalah masakan gandingan mi dan telur sahaja pada ketika dahulu, di samping ramuan campuran cili dan bawang tumisan bersama rempah ratus, belacan dan udang kering. Mee bandung ini ditambah dengan bahan tambahan seperti udang, daging, kuli ikan dan sayuran bagi menambah kelazatannya. Mee bandung yang terkenal ini boleh di dapati Pekan Tanjung Agas.



Makanan Laut



Medan Ikan Bakar Nelayan Parit Karang Laut terletak di Kampung Nelayan Kesang Laut yang pandangan laut Selat Melaka. Medan ikan bakar ini menawarkan ikan segar serta makanan laut termasuk kupang, udang, sotong, kerang, kepah dan siput sebagai hidangan aneka masakan. Medan ikan bakar ini beroperasi bermula jam 6 petang hingga lewat malam setiap hari. Medan ikan bakar ini mendapat sambutan orang ramai termasuk dari luar kawasan. Orang ramai juga berpeluang menikmati keunikan kawasan rekreasi yang bersifat mesra alam dengan panorama pokok bakau di pesisiran pantai sebagai tempat bersantai sambil menikmati makanan serta keindahan pemandangan semulajadi di persekitarannya.



Aneka Jenis Buahhan Tempatan



Pengunjung boleh menikmati buah-buahan tempatan terutamanya buah durian Tangkak di dusun durian di Kebun Baru. Terdapat juga terdapat gerai-gerai yang menjual buah-buahan tempatan segar dari dusun yang diperolehi dari pengusaha dusun di kawasan sekitar. Di sini pengunjung berpeluang menikmati kelazatan dan kesegaran buah-buahan tempatan dengan suasana dusun. Pengunjung juga boleh membeli buah-buahan disini untuk dijadikan sebagai bekalan dan buah-tangan.

Martabak Singapura



Restoran murtabak Singapura JD di Tanjung Agas menjadi pilihan bagi penggemar murtabak Singapura. Waktu operasi 10 pagi hingga 12 tengah malam. Martabak ini mempunyai 2 jenis saiz iaitu besar dengan harga RM 10 dan saiz kecil dengan harga RM7, manakala bagi yang special pula berharga RM16.

Asam Pedas



Aneka asam pedas boleh dinikmati di Restoran Intan, Tanjung Agas. Antara pilihan asam pedas adalah asam pedas ikan tenggiri, ikan kembong, ikan merah, ikan sembilang, ikan mayong dan juga ikan pari. Di Johor, terkenal dengan asam pedas yang dicampur sawi jeruk yang boleh di dapati di sini.



hidangan istimewa



Cadangan Lawatan Pelancongan

Pakej 1	3 hari 2 malam
Hari Pertama	- Penginapan di Chalet Taman Hutan Lagenda - Bermandi-mandi di air terjun Taman Hutan Lagenda/ Gunung Ledang - Makan malam
Hari Kedua	- Sarapan - Lawatan ke Taman 7 Benua di Sagil Estate - Menikmati durian Tangkak di Kebun Baru - Aktiviti memancing udang galah/ ikan di Sungai Grisek - Makan Malam di Medan Ikan Bakar Nelayan Parit Karang Laut (boleh minta peniaga membakarkan hasil tangkapan memancing)
Hari ketiga	- Sarapan - Lawatan ke Tawar Farm - Menikmati mee bandung/ murtabak singapura di Tg. Agas - Lawatan ke Kilang Beras Perang

Pakej 2	2 hari 1 malam
Hari Pertama	- Penginapan Homestay Pinggiran - Mandi air terjun Gunung Ledang - Lawatan ke Hutan Lagenda Gunung Ledang - Pertunjukkan kempling dan ghazal
Hari kedua	- Sarapan - Menikmati durian Tangkak di Kebun Baru - Singgah di Bandar Tekstil, Bandar Tangkak - Lawatan ke sawah padi Sawah Ring - Lawatan ke Pulau Penarik - Menikmati Mee Bandung/ murtabak singapura di Tg. Agas - Lawatan Kilang Beras Perang, Tangkak



Maklumat lanjut sila hubungi:
Pejabat Besar
Majlis Daerah Tangkak
Peti Surat No. 63
84907 Tangkak, Ledang
Johor Darul Ta'zim.
Tel : 06-978 1261 / 978 2226
Fax No : 06-978 2670 / 978 5751
Toll Free : 1-800-88-0442
Laman web : <http://www.mdtangkak.gov.my>

Destinasi pelancongan Daerah Ledang